

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN MANIVANAN A/L GOWINDASAMY  
(KAPAR)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. TUAN MANIVANAN A/L GOWINDASAMY [ KAPAR ]** minta

**MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

(a) sama ada pertumbuhan negara sedang bergerak ke arah yang akan berdepan dengan krisis ekonomi berikutan kejatuhan rizab antarabangsa dan nilai mata wang Ringgit (RM); dan

(b) sama ada asas ekonomi Malaysia masih kukuh berikutan penurunan rizab antarabangsa dan kejatuhan nilai mata wang Ringgit (RM).

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keadaan krisis ekonomi sesebuah negara perlu dilihat dari sudut asas-asas ekonomi yang termasuk

pertumbuhan ekonomi domestik, terutamanya aktiviti pelaburan dan penggunaan swasta, serta kadar pengangguran, inflasi dan tabungan negara.

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada 15 Mei 2015, kedudukan rizab antarabangsa Malaysia kekal kukuh pada RM393.4 bilion atau USD106.2 bilion, memadai untuk menampung 8 bulan import tertangguh dan 1.1 kali lebih tinggi daripada hutang luar negeri jangka pendek. Ini adalah berikutan sentimen pelabur yang bertambah baik. Paras rizab ini merupakan 6.7 kali lebih tinggi daripada jumlah rizab yang dicatat semasa krisis kewangan Asia pada tahun 1997 iaitu sebanyak RM59.1 bilion. Justeru, dari sudut kedudukan rizab antarabangsa, paras semasa masih kukuh dan tidak menunjukkan sebarang petanda krisis.

3. Dari sudut mata wang, penyusutan kadar pertukaran nilai ringgit sejak September 2014 bukanlah suatu kes terpencil dan ianya didorong terutamanya oleh faktor luaran. Mata wang serantau yang lain, termasuk ringgit Malaysia turut mengalami penyusutan nilai disebabkan oleh prospek ekonomi Amerika Syarikat yang semakin baik dan kemungkinan

kenaikan kadar faedah di negara berkenaan yang menarik minat pelabur terhadap aset dalam nilai dolar Amerika. Selain itu, negara-negara pengeksport komoditi, termasuk Malaysia, turut mengalami kesan ekoran kejatuhan harga minyak mentah dunia.

4. Berdasarkan perkembangan terkini, prestasi mata wang ringgit telah semakin pulih dan lebih stabil. Malahan, ringgit merupakan antara mata wang yang telah mencatatkan prestasi terbaik berbanding mata wang serantau sejak April 2015. Ringgit menambah nilai sebanyak 3.1% berbanding dolar Amerika. Ringgit juga menambah nilai berbanding semua mata wang serantau antara 0% sehingga 6.8%. Penambahan nilai ringgit adalah terutamanya disumbangkan oleh kenaikan harga minyak mentah global. Nilai ringgit juga turut meningkat disebabkan oleh penyusutan nilai dolar Amerika berikutan jangkaan pasaran terhadap penangguhan US Federal Reserve (Fed), dengan izin, untuk mengembalikan kadar faedah ke paras yang lebih wajar.

5. Dari sudut ekonomi pula, asas-asas ekonomi negara yang kukuh dan pelbagai telah meletakkan Malaysia di landasan pertumbuhan yang

mapan. Perangkaan terkini menunjukkan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) negara terus berkembang kukuh mencatat 5.6% pada suku pertama 2015 didorong terutamanya oleh aktiviti permintaan domestik yang teguh. Dalam tempoh yang sama, pelaburan swasta berkembang sebanyak 11.7% kepada RM46.3 bilion, manakala pelaburan langsung asing pula mencatat RM9.9 bilion. Sementara itu, penggunaan swasta telah mencatat pertumbuhan yang memberangsangkan sebanyak 8.8% kepada RM135.5 bilion disokong oleh pertumbuhan pendapatan yang lebih tinggi berikutan pasaran buruh yang stabil. Kadar tabungan negara pula adalah 30% daripada Pendapatan Negara Kasar (GNI).

6. Di samping itu, aktiviti ekonomi semasa domestik, dengan izin *real economy* dan akses kewangan untuk membiayai aktiviti sektor swasta adalah tidak terjejas. Prestasi ekonomi yang baik ini adalah hasil daripada pelbagai inisiatif yang diambil untuk mempelbagaikan ekonomi negara serta meningkatkan daya tahan dan daya saing negara. Kerajaan yakin bahawa inisiatif seperti program transformasi negara akan terus memacu pertumbuhan ekonomi negara untuk mencapai status negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang 2020.